

10.8.2026
 Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
 CEO, PBAHB dan PBAPP.

SEBAHAGIAN BESAR KEUNTUNGAN PBAHB DILABUR SEMULA UNTUK MANFAAT PENGGUNA AIR PULAU PINANG DAN BERI GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM

- **PAT 2025: RM114.55 juta**
- **Bayaran dividen bagi TK2025: RM16.55 juta**
- **Peruntukan CAPEX PBAPP 2026 bagi projek bekalan air Pulau Pinang: RM631 juta**

PULAU PINANG, Isnin, 10.8.2026: PBA Holdings Bhd (PBA 5041) dan PBAPP akan terus melabur semula ratusan juta ringgit bagi membangunkan projek infrastruktur bekalan air demi manfaat 721,066 pengguna air di Pulau Pinang.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, PBAHB melalui anak syarikat utamanya, PBAPP, telah melabur semula jumlah berikut sebagai perbelanjaan modal (CAPEX) bagi projek bekalan air di Pulau Pinang:

Tahun Kewangan	Keuntungan Selepas Cukai (PAT) dalam RM	Jumlah Pelaburan CAPEX dalam RM	Peratus PAT Dilabur Semula sebagai CAPEX
2022	77.12 juta	41.30 juta	54%
2023	34.35 juta	106.108 juta	309%
2024	144.17 juta	131.422 juta	91%
2025	114.55 juta	212.46 juta	185%
2026*	**	631 juta *	
* Peruntukan tahun semasa, termasuk pengeluaran terancang daripada program sukuk RM5 bilion PBAPP bagi mempercepatkan pelaksanaan kerja-kerja bekalan air kritikal, termasuk projek-projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) ** Tidak membuat spekulasi mengenai PAT 2026.			

Berbeza dengan majoriti syarikat tersenarai awam Malaysia (PLC), PBAHB ialah sebuah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Penang State GLC). PBAPP, sebagai operator bekalan air berlesen yang berkhidmat untuk Negeri Pulau Pinang, juga merupakan sebuah GLC Negeri Pulau Pinang.

Pemegang saham terbesar kami ialah "State Secretary Penang" (SSP), iaitu sebuah entiti Kerajaan Negeri yang memegang 55% saham PBAHB serta "saham emas"

(golden share). SSP telah menjadi pemegang saham utama sejak PBAHB disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada tahun 2002. Sementara itu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memegang 10% saham dalam PBAHB.

Pengerusi PBAHB dan PBAPP pada ketika ini ialah YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang. Pengarah Bukan Eksekutif PBAHB yang lain termasuk YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri I (TKM I) dan YB Tuan Zairil Khir Johari, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

SSP memegang kepentingan majoriti saham secara amanah awam demi kepentingan Negeri Pulau Pinang dan rakyatnya. YAB Tuan Chow serta rakan-rakan beliau yang dipilih berkhidmat dalam Lembaga Pengarah sebagai pemegang amanah kepentingan awam. Mereka tidak memiliki sebarang saham dan tidak menerima satu sen pun daripada bayaran dividen PBAHB. Bersama-sama 12 orang pengarah yang lain, mereka menerima manfaat pengarah berjumlah RM441,000 bagi tahun kewangan 2025.

Memandangkan Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berdepan tekanan sumber air, Lembaga Pengarah PBAHB pada masa ini secara konsisten telah mengarahkan syarikat untuk melabur semula sebahagian besar PAT tahunan sebagai CAPEX bagi projek infrastruktur bekalan air yang diperlukan oleh Pulau Pinang pada masa kini dan masa hadapan.

Bayaran Dividen PBAHB yang Saksama Selama 25 Tahun

Sejak tahun 2002, Pengerusi dan Lembaga Pengarah PBAHB, sama ada yang terdahulu mahupun semasa, tidak pernah gagal membayar dividen tahunan kepada pemegang saham PBAHB.

Malah, tahun 2026 menandakan tahun ke-25 berturut-turut PBAHB membayar dividen.

Pada 5.8.2026, PBAHB menerima The Edge Malaysia Centurion Club Corporate Award 2026 untuk kali keempat berturut-turut bagi kategori "Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham dalam Tempoh 3 Tahun" highest return to shareholders over 3 years" dalam kategori telekomunikasi, media dan utility. Anugerah tahunan Centurion Club mengiktiraf pencapaian syarikat tersenarai awam bersaiz sederhana (mid-cap PLC) dengan permodalan pasaran di bawah RM1 bilion.

Rekod pembayaran dividen PBAHB bagi tahun kewangan 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan	Keuntungan Selepas Cukai (PAT) dalam RM	Jumlah Bayaran Dividen dalam RM	Peratus PAT untuk Bayaran Dividen
2023	34.35 juta	RM11.58 juta	34%
2024	144.17 juta	RM14.89 juta	10%
2025	114.55 juta	RM16.55 juta	14%

PBAHB juga kini disenaraikan dalam “Bursa Malaysia Quality 50 Index”. Indeks ini menampilkan 50 PLC terbaik (*tidak termasuk FBMKLCI*) dari segi “kualiti kewangan”, berdasarkan aspek keuntungan (pulangan atas ekuiti), struktur modal (nisbah hutang kepada ekuiti) dan kualiti pendapatan (aliran tunai operasi berbanding keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti).

Fakta & Angka Utama

- PBAHB telah memberi ganjaran kepada pemegang sahamnya melalui pembayaran dividen selama 25 tahun berturut-turut kerana syarikat ini bertanggungjawab, cekap kos dan menguntungkan. Buktinya boleh dilihat dalam bahagian kewangan 24 laporan tahunan PBAHB yang telah diterbitkan sepanjang tempoh tersebut.
- Walau bagaimanapun, sebahagian besar PAT PBAHB telah dilabur semula setiap tahun sebagai CAPEX bagi projek infrastruktur bekalan air di Pulau Pinang demi manfaat negeri dan rakyatnya. Malah, PAT PBAHB sebanyak RM114.55 juta bagi tahun 2025 tidak mencukupi untuk menampung peruntukan CAPEX PBAPP sebanyak RM631 juta bagi tahun 2026. Oleh itu, PBAPP merancang untuk mengeluarkan kira-kira RM531 juta daripada program sukuknya bagi membiayai peruntukan CAPEX yang besar tetapi perlu ini.
- PBAHB dan PBAPP sedang membuat pelaburan besar dalam infrastruktur bekalan air di Pulau Pinang kerana negeri ini berdepan tekanan sumber air dengan sumber air yang terhad tetapi mempunyai potensi sosioekonomi yang tidak terhad. Pada tahun 2025, Pulau Pinang menggunakan purata 865 juta liter sehari (JLH) air terawat untuk menjana sumbangan KDNK sebanyak RM130.3 bilion.
- Melangkah ke hadapan, PBAPP mengunjurkan penggunaan air Pulau Pinang akan mencapai 1,162 JLH atau lebih menjelang tahun 2032. Unjuran ini berdasarkan data yang disediakan oleh syarikat multinasional (MNC) yang sedang mengembangkan atau menubuhkan kemudahan pembuatan baharu; pemaju hartanah yang sedang membangunkan premis kediaman dan

perniagaan baharu; serta projek-projek mercu tanda seperti Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) di Seberang Perai Selatan dan Silicon Island A di pesisir Selatan bahagian pulau, Pulau Pinang.

- Kemajuan Pulau Pinang ke arah masa depan yang lebih cerah pada tahun 2030-an tidak boleh terjejas, terbantut atau dikompromi akibat bekalan air yang tidak mencukupi. Sebagai organisasi bekalan air yang berpandangan jauh dan bertanggungjawab, PBAHB dan PBAPP tidak boleh menunggu sehingga kekurangan air berlaku di Pulau Pinang. Kami berusaha menyelesaikan isu-isu air dan memastikan kecukupan bekalan air pada masa hadapan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my